

14/12/1998

Umno lebih penting daripada individu: Dr M (HL)

KUALA LUMPUR, Ahad - "Parti penting. Individu tidak penting. Individu datang dan pergi, tetapi parti kekal jauh lebih lama. Perjuangan tidak tamat kerana individu gagal. Tetapi perjuangan akan tamat jika parti hancur."

Itulah pesanan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada Perhimpunan Agung Khas Umno di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini, bagi memastikan ahli Umno terus mengutamakan perjuangan parti dan bukan kepentingan individu tertentu.

Perdana Menteri berkata, Umno bukan sebarang parti, tetapi menjadi teras dan tunjang kepada parti yang memerintah negara, iaitu Barisan Nasional (BN).

"Lemah Umno, lemahlah BN; lemah BN, lemahlah kerajaan Malaysia dan lemah kerajaan Malaysia maka terjajahlah Malaysia," katanya.

Justeru, tegas Dr Mahathir, menjadi tanggungjawab setiap ahli Umno, bahkan orang Melayu dan Bumiputera lain untuk menentukan Umno terus kukuh dan berwibawa.

Bagi mencapai maksud itu, katanya, dua faktor yang terpenting perlu ada, iaitu susunan parti yang baik dan budaya parti yang sesuai dengan amalan demokrasi.

Beliau berkata, kekuatan Umno datang daripada perpaduan dan kesetiaan ahli kepada parti dengan perlembagaannya.

"Umno tidak boleh berfungsi jika ia tidak tersusun rapi dan mempunyai pemimpin yang mendapat sokongan padu," katanya.

Sehubungan itu, kata Dr Mahathir, apabila pemimpin sudah dipilih, maka sokongan padu mesti diberi kepadanya kerana itu saja yang boleh menentukan kewibawaannya.

"Selagi ia menjadi pemimpin selama itulah ia perlu disokong. Kesetiaan dan ketaatan kepadanya bukan kerana tubuh badan atau peribadinya. Kesetiaan kepadanya adalah kerana jawatan yang disandangnya mengikut perlembagaan dan melalui pemilihan parti.

"Jika ia gagal mengekalkan kepercayaan parti kepadanya, maka ia boleh digugur oleh parti, juga mengikut perlembagaan parti," katanya.

Mengenai pemilihan dalam parti, Dr Mahathir berkata, proses itu perlu dibuat secara persahabatan kerana pemilihan antara parti-parti ketika pilihan raya berlainan daripada pemilihan dalam parti.

Menurut Dr Mahathir, yang perlu diutamakan ialah kewibawaan dan keberkesanan parti.

"Kemenangan menjadi pemimpin tidak bermakna jika ia menyebabkan parti berkecai, menjadi lemah, gagal memenangi pilihan raya dan membentuk kerajaan.

"Mungkin ada yang berpendapat bahawa calon mereka begitu baik sehingga jika ia gagal, maka gagallah parti. Mungkin benar. Tetapi jika dalam usaha untuk menjayakan calon berkenaan, parti dikorbankan maka ketaksuban kepada calon tidak akan mendatangkan apa-apa hasil.

"Yang penting ialah kita tidak keterlaluan dalam usaha menjayakan calon kita, dan jika ia gagal maka hendaklah kita sanggup menerima calon yang dipilih oleh majoriti.

"Ingatlah dalam politik, tidak ada kawan yang kekal, tidak ada musuh yang kekal. Belum tentu dalam pemilihan akan datang, kita akan sokong calon yang sama. Pepatah kita ada berkata sekali air bah, sekali pantai berubah," katanya.

Mengenai pindaan perlembagaan Umno, beliau berkata, ia bertujuan melindungi parti daripada kemungkinan kebebasan demokrasi dalam parti disalahgunakan.

Presiden Umno menegaskan, pindaan perlembagaan itu diharap akan menghalang amalan dan kemungkinan urusan parti, termasuk pemilihan pemimpin dalam parti, memecah-belah dan melemahkan parti.

Kerana itu, katanya, pindaan itu diteliti dengan rapi dan ia turut diteliti semula oleh perwakilan termasuk pindaan dicadangkan kepada pindaan yang dikemukakan.

"Tetapi percayalah perlembagaan tidak akan menjamin kewibawaan parti, atau pengekalan parti. Yang dapat menjamin kewibawaan dan pengekalan parti ialah kefahaman dan kebijaksanaan ahli parti dalam mengguna perlembagaan yang diluluskan," katanya.

Pindaan itu membabitkan 15 fasal dan menyentuh 38 perkara.

Dr Mahathir berkata, jika semua ahli dapat membentuk budaya yang mengutamakan kepentingan parti dan matlamatnya maka perlembagaan yang diluluskan itu akan berkesan.

(END)